

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Sedia hadapi penularan coronavirus

KKM pantau langkah pencegahan, kawal pintu masuk negara

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan mengambil langkah siap sedia menghadapi potensi penularan coronavirus walaupun tiada kes baharu dilaporkan di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata situasi jangkitan influenza yang dilaporkan di Malaysia ketika ini tiada kaitan dengan kejadian coronavirus baharu di Wuhan, China.

Katanya, antara langkah kesiapsiagaan yang dilaksanakan ialah memaklumkan anggota KKM di semua peringkat termasuk pintu masuk antarabangsa negara bagi mengambil langkah pencegahan dan kawalan jangkitan.

"Kita turut memberi penekanan dan memperkukuhkan aktiviti saringan demam sedia ada dalam kalangan pembara oleh anggota yang bertugas di pintu masuk antarabangsa negara.

"Pembara yang dikesan mengalami demam dan bergejala, pemeriksaan akan dilakukan semula di pusat kuarantin kesihatan atau tempat pemeriksaan di pintu masuk antarabangsa negara," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, saringan pesakit di klinik kesihatan dan Jabatan Kecemasan hospital diperkukuhkan bagi memastikan kes disyaki akan dirujuk dan dikendalikan dengan mematuhi langkah pencegahan dan kawalan jangkitan.

Katanya, seseorang yang mengalami gejala penyakit respiratori akut dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari Wuhan, dinasihatkan mengunjungi fasiliti kesihatan berhampiran untuk pemeriksaan.

"Sekiranya ada kes disyaki yang dikesan dari mana-mana fasiliti kesihatan, kes perlu dilaporkan segera kepada pihak Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri dan Tindak Cepat Krisis Negara (CPRC).



Situasi jangkitan influenza yang dilaporkan di Malaysia ketika ini tiada kaitan kejadian coronavirus baharu di Wuhan, China.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

hatan Negeri dan Tindak Cepat Krisis Negara (CPRC).

"KKM turut memperkukuhkan keupayaan bagi menjalankan ujian pengesanan dan pengesanan coronavirus. Institut Penyelidi-

Influenza sebabkan jangkitan baharu



Keratan akhbar BH semalam.

kan Perubatan (IMR) dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) adalah makmal sedia ada yang berupaya menjalankan ujian berkenaan," katanya.

Beliau berkata, anggota KKM juga dinasihatkan menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) dan simpanan stok bagi PPE serta ubat-ubatan bagi menghadapi wabak perlu dipastikan mencukupi untuk menampung keperluan di fasiliti kesihatan masing-masing.

Katanya, KKM akan bekerjasama rapat dengan semua agensi berkaitan bagi memperkukuhkan aktiviti kesiapsiagaan dan maklum balas kementerian menghadapi potensi penularan jangkitan dalam negara.

Pada 31 Disember lalu, pihak berkuasa China melaporkan mengenai satu kejadian kluster radang paru-paru (pneumonia) yang tidak diketahui punca jangkitannya, membabitkan masyarakat setempat di Wuhan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Beberapa negeri catat peningkatan kes influenza A

Kuala Lumpur: Beberapa negeri mencatat peningkatan kes positif Influenza A, namun keadaan secara keseluruhannya masih terkawal.

Di **Johor Bahru**, tujuh kanak-kanak termasuk dua bayi masing-masing berusia sembilan bulan disahkan positif influenza A dan dirawat di Hospital Sultanah Aminah (HSA).

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Kesihatan dan Sumber Manusia Johor, Aminolhuda Hassan, berkata kedua-duanya bayi berkenaan masing-masing dirawat di HSA sejak lima dan tiga hari lalu.

"Keadaan mereka dilaporkan stabil dan berada di bawah pemantauan pakar.

"Tujuh lagi kanak-kanak berusia antara setahun sehingga lima tahun yang disahkan positif Influenza A turut dirawat di hospital ini.

"Lapan pesakit dewasa kebanyakannya warga emas dan pesakit kronik turut positif Influenza A dan dirawat di kawasan yang dikhususkan untuk mereka.

"Jumlah pesakit positif

Influenza A dirawat di hospital ini adalah 17 orang," katanya pada sidang media di HSA, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Kesihatan Johor, Dr Aman Rabu dan Pengarah HSA, Dr Mohtar Pungut @ Ahmad.

Aminolhuda berkata, sekolah di Johor turut diarah mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengasingkan murid atau pelajar yang kelihatan tidak sihat.

Di **Shah Alam**, tiada kematian disebabkan influenza direkodkan di Selangor setakat ini.

EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud, berkata hanya Kementerian Kesihatan akan mengesahkan mana-mana kes kematian disebabkan influenza.

"Sehingga kini, seramai 330 individu disyaki dijangkiti virus influenza dan menjalani ujian saringan awal serta ujian makmal sebelum 237 daripadanya positif menghidap Influenza A," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat

Penyelarasan Pengurusan dan Kawalan Virus Influenza A, di sini, semalam.

Di **Alor Setar**, kes jangkitan influenza terus meningkat dengan 45 pesakit setakat semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Luar Bandar dan Agama negeri, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata kebanyakan pesakit adalah pelajar di 29 sekolah.

Katanya, pesakit paling ramai dijangkiti Influenza ialah di Kuala Muda membabitkan 13 pesakit, Kubang Pasu (11), Kulim (11), Kota Setar (enam), Pendang (tiga) dan Sik (satu).

"Semua pesakit dijangkiti virus influenza sejak 1 Januari lalu dan menerima rawatan di klinik kesihatan berhampiran, selain ada yang dikuarantin di rumah.

"Setakat ini tiada sekolah ditutup dan orang ramai tidak perlu panik dengan keadaan yang berlaku," katanya dalam kenyataan, semalam.

Di **Ipoh**, pelajar yang dijangkiti wabak influenza A meningkat kepada 79 pelajar berbanding 37 orang yang dilaporkan sebelum ini.



BHTV

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL



AMINOLHUDA (tiga dari kiri) melawat kanak-kanak yang menghidap Influenza A di HSA, semalam.



Dua bayi positif

Mangsa Influenza A kini dilapor dalam keadaan stabil

**WABAK
INFLUENZA**

Oleh Mohamed
Farid Noh
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Dua bayi berusia sembilan bulan disahkan positif Influenza A dan dirawat di Hospital Sultanah Aminah (HSA).
Pengerusi Jawatankuasa



Selain itu, ada tujuh lagi kanak-kanak berusia antara setahun hingga lima tahun yang turut disahkan positif Influenza A”

Aminolhuda Hassan

Pendidikan, Kesihatan dan Sumber Manusia Johor, Aminolhuda Hassan berkata, kedua-duanya bayi berkenaan dirawat di HSA sejak lima dan tiga hari lalu.

Katanya, keadaan mereka kini stabil dan berada di bawah pemantauan pakar.

“Selain itu, ada tujuh lagi kanak-kanak berusia antara setahun hingga lima tahun yang turut disahkan positif Influenza A dan dirawat di hospital ini.

“Lapan dewasa yang kebanyakannya warga emas dan pesakit kronik turut positif Influenza A dan dirawat di kawasan yang dikhaskan untuk mereka.

“Jumlah pesakit positif Influenza A yang dirawat di hospital ini 17 orang,” katanya pada sidang media di HSA, semalam.

Hadir sama, Pengarah Kesihatan Johor, Dr Aman Rabu dan Pengarah HSA, Dr Mohtar Pungut@Ahmad.

Sementara itu, Aminolhuda menasihatkan ibu bapa yang mempunyai bayi dan anak kecil supaya mengelakkan membawa mereka ke kawasan tumpuan ramai terutama di dalam bangunan atau tertutup buat sementara waktu.

“Ini kerana kawasan tertutup lebih mudah dan cepat merebak jangkitan kuman menerusi udara terutama jika ada orang tidak sihat di sekitarnya,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : WABAK INFLUENZA MAKIN MENULAR

WABAK INFLUENZA SEMAKIN MENULAR

Dua bayi dijangkiti influenza

Kedua-dua bayi berusia 9 bulan itu masih dirawat di HSA

Oleh SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

Dua bayi berusia sembilan bulan antara sembilan kanak-kanak di daerah ini yang disahkan dijangkiti influenza A.

Exco Pendidikan, Kesihatan dan Sumber Manusia Negeri Johor, Aminolhuda Hassan berkata, kesemua mereka kini menerima rawatan di

Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini sejak beberapa hari lalu.

Beliau berkata, tahap kesihatan kesemua kanak-kanak itu masih berada dalam keadaan terawal dan tiada yang ditempatkan di zon kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Kanak-kanak yang menerima rawatan ini berusia dari sembilan bulan hingga lima tahun. Buat masa ini, hanya dua bayi kita letakkan di bawah penjagaan manakala tujuh lagi menerima rawatan dan dalam proses pemulihan," katanya pada sidang media selepas lawatannya di HSA di sini semalam.

Hadir sama, Pengarah



Aminolhuda (dua dari kiri) ketika hadir pada Lawatan Pesakit Influenza A di Wad Kanak-kanak di Hospital Sultanah Aminah (HSA) semalam.

Kesihatan Johor, Dr Aman Rabu dan Pengarah HSA, Dr Mohtar Pungut @ Ahmad.

Aminolhuda berkata,

menerusi lawatan itu, pihaknya juga dimaklumkan terdapat lapan lagi pesakit dewasa yang turut disahkan dijangkiti wabak

berkekaan dan sedang menerima rawatan susulan.

"Kebanyakannya adalah warga emas berusia

65 tahun ke atas dan yang mempunyai penyakit kronik namun semua stabil dan hanya ditempatkan di wad biasa," katanya.

Ditanya mengenai penyebaran wabak berkenaan di daerah lain, Aminolhuda berkata, pihaknya tidak mempunyai maklumat khusus namun menasihati orang ramai untuk segera mengambil tindakan sewajarnya sekiranya mempunyai simptom.

"Saya dimaklumkan influenza ini adalah penyakit bermusim. Penting diingatkan kepada semua untuk menjaga kebersihan, elakkan berada di tempat yang tertutup kerana penyebaran melalui udara lebih mudah berlaku," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : WABAK INFLUENZA MAKIN MENULAR

Kinta Utara catat bilangan pelajar paling ramai dijangkiti

IPOH - Seramai 79 pelajar dari 47 sekolah di Perak dilaporkan dijangkiti influenza sejak penularan virus itu minggu lalu.

Menerusi data diberikan Pejabat Exco Pendidikan, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Perak setakat jam 8.30 pagi semalam, daerah Kinta Utara merekodkan bilangan pelajar paling tinggi iaitu 32 orang membabitkan 20 sekolah.

Seramai 17 pelajar dari empat sekolah direkodkan di daerah Bagan Datuk, daerah Larut Matang dan Selama (12), Manjung (8), Kuala Kangsar (4) dan Kinta Selatan (2).

Sementara di Perak Tengah, Kerian, Hilir Perak dan Batang Padang masing-masing seorang pelajar dijangkiti.

Semua pelajar yang dijangkiti itu kini dikuarantin di rumah masing-masing.

Setakat ini, hanya Sekolah Menengah Sains Teluk Intan (Semesti) sahaja yang ditutup berikutan seramai 10 pelajar asramanya dijangkiti influenza A sekali gus menjejaskan sesi pembelajaran 570 pelajar lain di sekolah berkenaan.

Sementara itu, di **PAHANG**, seramai 37 pelajar sekolah dilaporkan dijangkiti influenza sejak 7 Januari lalu.

Pengarah Pendidikan Pahang, Datuk Dr Tajuddin Mohd Yunus berkata, jangkitan itu membabitkan 24 sekolah di sembilan daerah di negeri ini dengan Kuantan mencatatkan jumlah mangsa teramai iaitu 14 orang.



DR TAJUDDIN

“Ia diikuti daerah Pekan dengan enam kes, Cameron Highlands (5), Bentong (4), Maran (3), Jerantut (2) dan masing-masing satu kes di Temerloh, Rompin dan Bera,” katanya.

Beliau berkata, daripada 37 kes yang dicatatkan, seramai

31 membabitkan murid sekolah rendah, tiga murid prasekolah, dua pelajar sekolah menengah dan seorang guru.

“Sebanyak 36 kes disahkan sebagai influenza A atau H1N1 manakala satu kes influenza B. Ada antara mangsa yang dikuarantin di rumah dan ada yang dirawat di hospital, manakala dua kes lagi mangsa telah disahkan pulih sepenuhnya,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : WABAK INFLUENZA MAKIN MENULAR

Influenza tiada kaitan wabak novel coronavirus

KUALA LUMPUR - Situasi jangkitan influenza di Malaysia tiada kaitan dengan kejadian wabak coronavirus baharu (novel coronavirus) di Wuhan, China, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, berdasarkan pemantauan, buat masa ini tiada kes yang disyaki 'novel coronavirus' dilaporkan di Kementerian Kesihatan (KKM).

Bagaimanapun katanya, KKM akan terus mengukuhkan pemantauan dan kesiapsagaan bagi menghadapi potensi penularan wabak 'novel coronavirus' yang dilaporkan di Wuhan, China itu.

"Situasi jangkitan influenza yang dilaporkan di Malaysia sekarang ini adalah terkawal dan tiada kaitan dengan wabak tersebut.

"KKM akan terus memantau situasi kejadian penyakit radang paru-paru ini dan sebarang perkembangan daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) akan dimaklumkan dari masa ke masa," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, antara langkah-langkah kesiapsiagaan yang dilaksanakan adalah memberi pene-

kanan dan memperkukuhkan aktiviti saringan demam sedia ada dalam kalangan pengembara oleh anggota yang bertugas di pintu masuk antarabangsa negara bagi menghadapi potensi penularan penyakit tersebut.

"Pengembara yang dikesan mengalami demam dan bergejala, pemeriksaan akan dilakukan semula di pusat kuarantin kesihatan atau tempat pemeriksaan di pusat masuk antarabangsa negara. Saringan pesakit di klinik kesihatan dan jabatan kecemasan hospital diperkukuhkan bagi memastikan keskes disyaki dirujuk dengan mematuhi langkah-langkah pencegahan," katanya.

Menurutnya, seseorang yang mengalami gejala penyakit respiratori akut dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari Wuhan, China dinasihatkan pergi ke fasiliti kesihatan untuk menjalani pemeriksaan.

- Bernama



DR NOOR HISHAM